

Supaya projek pembangunan dapat dilaksanakan secara berkesan

Pilih kerajaan yang baik dengan Pusat-PM

14 SEPT 1991

BETONG 13 Sept. — Dato' Sri Dr. Mahathir Mohamad hari ini mengingatkan rakyat Sarawak supaya mengundi memilih kerajaan yang mempunyai hubungan baik dengan Kerajaan Pusat supaya rancangan-rancangan pembangunan dapat dilaksanakan secara licin dan berkesan.

Perdana Menteri berkata, pilihanraya negeri kali ini bertujuan untuk memilih kerajaan bagi, bukan untuk pilih wakil rakyat.

"Seorang wakil rakyat sahaja tidak boleh buat apa. Hanya kalau dia dari parti yang membentuk kerajaan barulah dia boleh tolong kita," katanya semasa berucap merasmikan Sekolah Menengah Vokasional di sini pagi ini.

Menurut beliau, Kerajaan Pusat adalah kerajaan Barisan Nasional dan akan berkuasa sehingga 1995.

Oleh itu, katanya, kalau ra-

Oleh
Mohd. Noor Che Mat

kyat Sarawak memilih kerajaan negeri yang tidak ada hubungan yang baik dengan Kerajaan Pusat, maka susahlah bagi mereka untuk mendapat pembangunan.

Perdana Menteri berkata, dua buah negeri yang memilih kerajaan yang tidak daripada BN mereka sekarang menghadapi masalah kerana sudah tentu kerajaan-kerajaan negeri memerlukan kerjasama dengan Pusat.

"Saya harap perkara ini perlu diambil perhatian, diingati kerana Kerajaan Pusat ingin bekerjasama dengan kerajaan negeri."

"Adalah lebih mudah bagi Kerajaan Pusat bekerjasama dengan kerajaan negeri yang terdiri daripada satu parti," ujar beliau.

Serentak dengan itu Dato' Sri Dr. Mahathir meminta rakyat di Sarawak memilih kerajaan yang boleh memberi banyak pembangunan dan manfaat kepada negeri ini terutama penduduk-penduduk di kawasan Betong ini.

Tambah beliau, memang menjadi hasrat Kerajaan Pusat dan negeri untuk membangunkan negara termasuk Sarawak.

Perdana Menteri berkata, beliau sudah banyak kali melawat ke Negeri Sarawak dan dalam setiap kali lawatan beliau kagum melihat pembangunan pesat berlaku yang menurutnya lebih pesat daripada yang dialami di negeri-negeri lain di Semenanjung.

Pembangunan-pembangunan ini, katanya,

bukan dibuat kerana mendapat peruntukan daripada Kerajaan Pusat, tetapi sebahagian besar darinya dibiayai oleh kerajaan negeri yang memang berhasrat membangunkan Sarawak.

Menurut Perdana Menteri, banyak jalan raya telah dibina oleh kerajaan negeri tanpa bantuan oleh Kerajaan Pusat.

"Ini bermakna, Kerajaan Sarawak adalah sebuah kerajaan bertanggungjawab dan memang mahu memberi pembangunan kepada rakyat."

"Kerajaan Pusat akan memberi bantuan dalam bidang tertentu seperti perubahan dan pelajaran yang menjadi bidang tanggungjawab Kerajaan Pusat," ujarnya.

Bagaimanapun, kata Perdana Menteri, pembangunan-pembangunan seperti itu sukar dilaksanakan tanpa usaha daripada kerajaan negeri.

Beliau memuji kerajaan Sarawak yang begitu berminat dengan politik pembangunan yang dapat dilihat berlaku dengan pesat di mana-mana sahaja.

Beliau menarik perhatian, pada zaman moden ini kerajaan mahu mengeluarkan warganegara yang cekap menggunakan tangan mereka menghasilkan sesuatu terutama yang bercorak kejuruteraan.

Sebab itulah, kerajaan telah membangunkan banyak sekolah vokasional, dan lain-lain institusi latihan untuk melatih rakyat memperoleh kemahiran-kemahiran baru bagi memenuhi tuntutan zaman.

Sekolah Menengah Vokasional Betong yang berharga \$13.6 juta itu siap didirikan pada tahun 1983. Ia menawarkan 9 jenis kursus teknikal dan vokasional.]

Sehingga tahun 1985 ia telah mengeluarkan seramai 780 pelajar yang mendapat latihan dalam berbagai jurusan.